

TARIKH : 10/2/2023  
SURAT KHABAR : METRO  
MUKA SURAT : 22

22

Jumaat 10.02.2023 | Harian Metro

## Selesai isu monopoli ambil pekerja asing

**Batu Gajah:** Kerajaan sedang mencari mekanisma terbaik bagi menyelesaikan isu monopoli pengambilan pekerja asing yang menguntungkan sindiket dari negara sumber.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar berkata, mekanisma yang dicari meliputi bagaimana untuk membolehkan pemohon pekerja asing atau bakal majikan boleh berurusan secara rundingan terus tanpa melalui ejen pengambilan pekerja yang menelan belanja tinggi.

Beliau berkata, kunjungan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Natusion Ismail ke tiga negara sumber iaitu Bangladesh, Indonesia, dan Nepal baru-baru ini antaranya adalah bagi membincangkan hal berkenaan yang melibatkan hubungan kerajaan dengan kerajaan (G2G). Katanya, isu berkenaan

mendapat perhatian serius Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam apabila mahu Kementerian Dalam Negeri (KDN) berhenti menggunakan ejen bagi pengambilan pekerja asing kerana membabitkan kos tinggi.

"Jadi usaha diambil bagi memastikan pekerja asing tidak disalah gunakan mana-mana pihak membuat keuntungan tinggi.

"Banyak usaha sudah diambil antaranya menerusi kunjungan KDN ke tiga negara sumber minggu lalu untuk berbincang," katanya kepada pemberita selepas Majlis Konvokesyen Akademi KTM (MyRA) di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Hasbi Habibollah dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KTM Berhad (KTMB), Datuk Mohd Rani Hisham Samsudin.